

Terbakar kerana 'powerbank'

Kuala Lumpur: Kebakaran sebuah kediaman di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Gombak Setia kelmarin disebabkan oleh 'powerbank' yang ditinggalkan dalam keadaan sedang dicaj.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata, lebihan caj alat elektronik berkenaan menyebabkan cetusan api seterusnya membakar unit berkenaan.

"DBKL akan terus komited dalam memastikan keselamatan unit PA dan PPR sentiasa berada dalam keadaan yang terbaik," katanya dalam kenyataan semalam.

Sebelum ini DBKL memaklumkan sebuah kediaman mus-

nah dalam kejadian dipercayai berlaku pada jam 6 pagi memabatkan unit bernombor 43-10-15.

DBKL berkata, insiden itu mengakibatkan kerosakan pada dinding ruang kaki lima dan siling koridor tingkat 10, namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Susulan kejadian itu, bagi meringankan beban yang dialami oleh mangsa, DBKL menyerahkan sumbangan wang tunai sebanyak RM1,000 kepada ibu tunggal serta tiga anaknya.

"DBKL turut menawarkan unit rumah yang baharu di blok yang sama kepada mangsa sebagai penempatan semula beliau dan anak-anak," katanya.